

25 AUG 2001

Syed Hamid-Megawati

LAWATAN PRESIDEN MEGAWATI TINGKAT KERJASAMA DUA HALA

KOTA TINGGI, 25 Ogos (Bernama) -- Perkembangan ekonomi semasa merupakan satu daripada perkara yang dijangka dibincangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Megawati Soekarnoputri sempena lawatan dua hari Presiden Indonesia itu ke Malaysia bermula Isnin ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata perbincangan itu dijangkakan kerana Dr Mahathir memang selama ini berpegang kuat kepada prinsip "Makmurkan Jiran Anda" yang bertujuan melihat semua negara di rantau Asean maju dan makmur.

"Satu perkara yang mungkin dibincangkan ialah ekonomi kerana Perdana Menteri kita sentiasa berpegang kepada prinsip memakmurkan jiran-jiran dengan harapan dapat saling membantu," katanya pada sidang media mengenai lawatan dua hari itu, di sini hari ini.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut sama ada perbincangan itu kelak akan meliputi secara khusus hasrat Malaysia sebelum ini untuk membantu Indonesia memulihkan ekonominya.

Katanya, perbincangan pada pertemuan pertama Megawati selaku Presiden Indonesia dengan Dr Mahathir itu seperti kelaziman lawatan negara adalah dengan agenda terbuka tanpa perkara khusus diutarakan.

Syed Hamid berkata selain perkara-perkara yang menyentuh hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, perbincangan kedua-dua pemimpin itu dijangka meliputi juga soal politik dan perkembangan semasa serantau dan antarabangsa.

Menteri Luar Malaysia itu percaya lawatan Presiden Megawati ke Malaysia selepas melawat beberapa buah negara Asean yang lain akan membolehkan perbincangannya dengan Dr Mahathir berkisar mengenai pelbagai perkara yang lebih menyeluruh.

"Dengan lawatan itu, kita percaya dalam jangkamasa terdekat ini perhubungan kedua-dua negara berjiran yang akrab ini, akan dapat diperkukuhkan lagi... meliputi kerjasama yang lebih erat dalam semua dimensi," katanya.

Presiden Megawati, yang diiringi suaminya Taufiq Kiemas, akan diberikan sambutan penuh istiadat di Dataran Parlimen pada hari Isnin, katanya.

Turut serta dalam lawatan atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah itu ialah Menteri Luar Indonesia Noer Hassan Wirajuda dan delegasi seramai 60 orang.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai hukuman sebat yang dicadangkan ke atas pendatang tanpa izin ke negara ini, Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip kedaulatan sesebuah negara.

"Jika telah dinyatakan oleh undang-undang mengenai hukuman sebat itu, ia perlulah dipatuhi sama ada oleh rakyat negara ini atau orang asing," katanya.

Lagipun, katanya, hukuman sebat ke atas pendatang tanpa izin bukanlah suatu perkara baru kerana ia telah pun diamalkan di negara jiran yang mempunyai undang-undang yang sama sebelum ini.

"Ia untuk tidak menggalakkan pendatang tanpa izin... Malaysia tidak mampu lagi menampung pendatang tanpa izin, yang masuk ke negara kita tanpa mengikut prosedur undang-undang yang telah ditetapkan," tambahnya.

Sidang media itu diadakan di kediaman Syed Hamid di sini selepas majlis kenduri pernikahan anak lelakinya Syed Sadiq Obaidi Albar, 26, seorang usahawan dengan Natasha Datuk Abdul Karim.

-- BERNAMA

MNY ZB